



**IKLAN JAWATAN KOSONG
KOLEJ UNIVERSITI PERGURUAN UGAMA SERI BEGAWAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-syarat Am

- a) Pemohon mestilah terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- b) Pemohon mempunyai pengetahuan tentang kerasmian Agama Islam, Adat Istiadat Negara, adat resam dan kebudayaan orang-orang Melayu Brunei dan perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- c) Cara permohonan - rujuk di ruang **PEMBERITAHUAN**.

PERATURAN 38(a)

Khusus bagi pemohon daripada kalangan pegawai yang sedang berkhidmat di perkhidmatan awam, Negara Brunei Darussalam

- 1. **JAWATAN** : Pendaftar
- 2. **BAHAGIAN** : I
- 3. **TANGGAGAJI** : UB.5 (\$5,900 EBKhas \$6,110)
- 4. **KEKOSONGAN** : SATU (1)

5. SYARAT-SYARAT KELAYAKAN

- a. Mempunyai Ijazah Sarjana Muda dalam bidang yang bersesuaian yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah merupakan satu kelebihan.

- b. Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam jawatan yang bersesuaian dalam tanggagaji Kumpulan 2 selama tidak kurang dari 3 tahun atau dalam tanggagaji Kumpulan 3 selama tidak kurang dari 6 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.
- c. Mestilah mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap yang **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan. Mereka yang mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap CEMERLANG dan mendapat sokongan yang kuat dari setiausaha Tetap/Ketua Jabatan adalah merupakan satu kelebihan.

6. TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

Pendaftar ialah Ketua Pentadbiran Kolej Universiti. Ianya bertanggungjawab kepada Ra'es. Tugas-tugas dan tanggungjawabnya termasuklah:

- a. Setiausaha kepada Persidangan Majlis Kolej Universiti dan jawatankuasa-jawatankuasa Kolej Universiti.
- b. Bertanggungjawab kepada Ra'es dan Timbalan Ra'es bagi hal pentadbiran dan akademik Kolej Universiti.
- c. Lain-lain tugas yang diarahkan oleh Ra'es dari semasa ke semasa.

PEMBERITAHUAN

Permohonan hendaklah menggunakan Borang KUPU SB/P1 boleh didapati dengan melayari laman web: www.kupu-sb.edu.bn dan memuat naik salinan sijil-sijil dan dokumen-dokumen yang berkaitan.

Selain memohon melalui online, salinan *hardcopy* borang permohonan juga hendaklah dihadapkan melalui Ketua Jabatan. Ketua Jabatan dikehendaki menyertakan:-

- **Laporan Sulit** mengenai peribadi dan mutu kerja pemohon;
- **Tahap Penilaian Prestasi** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan;
- Borang Pengesahan Ketua Jabatan;
- **Rekod Penilaian** yang lengkap dan terkini

Borang permohonan yang lengkap berserta dengan salinan sijil-sijil dan dokumen berkenaan hendaklah dikembalikan kepada:

**PENDAFTAR
KOLEJ UNIVERSITI PERGURUAN UGAMA SERI BEGAWAN
KM 2, JALAN RAJA ISTERI PENGIRAN ANAK SALEHA,
BANDAR SERI BEGAWAN, BA 2111,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**TARIKH TUTUP IKLAN: 25 OGOS 2025
BILANGAN IKLAN: KUPU SB/PJW/6.01/25-1D**

Universiti berhak menolak borang permohonan yang tidak diisi dengan lengkap dan yang tidak menyertakan dokumen-dokumen yang diperlukan.

Hanya pemohon-pemohon yang memenuhi syarat dan disenarai pendek (*shortlisted*) sahaja akan dihubungi untuk sesi temuduga.

Jika ada sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi di nombor 2236277